

**SUPP Lancar kumpulan 'Tentera Biru' Bantah Kemasukan Teras ke Dalam BN
Bernama
Mei 25, 2014**

KUCHING, 25 Mei (Bernama) -- Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) melancarkan sebuah kumpulan dikenali sebagai 'Tentera Biru' untuk membuat bantahan terhadap kemasukan Parti Tenaga Rakyat Sarawak (Teras) ke dalam Barisan Nasional (BN).

Dianggotai barisan generasi baharu SUPP dan diketuai Milton Foo, kumpulan itu merancang mengadakan bantahan di Kuching, Sarikei, Sibul, Miri, Bintulu dan tempat lain di negeri ini setelah mengadakan bantahan di sini malam tadi.

Foo berkata kumpulan 34 anggota itu menerima pakai resolusi untuk membantah penerimaan Teras ke dalam BN dan menuntut Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) daripada SUPP yang menyertai Teras supaya meletak jawatan.

"Kami juga menyeru semua rakan seperjuangan kami supaya terus bersatu dan tegas dengan pendirian yang diambil jawatankuasa pusat parti menolak kemasukan Teras ke dalam BN," kata Foo pada sidang media selepas pelancaran kumpulan itu di sini malam tadi.

Empat ADUN SUPP yang menyertai Teras ialah Datuk Seri Wong Soon Koh (Bawang Assan), Datuk Dr Jerip Susil (Bengoh), Ranum Mina (Opar) dan Johnicol Rayong (Engkilili).

Empat ADUN daripada Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP), yang diketuai bekas presidennya Tan Sri William Mawan, Datuk Peter Nansian (Tasik Biru), Datuk Sylvester Entrie (Marudi), Paulus Palu Gumbang (Batu Danau), Rosey Yunus (Bekenu) dan Anggota Parlimen Baram Anyie Ngau juga menyertai Teras.

ADUN Pelagus daripada Parti Pekerja Sarawak (SWP) George Lagong juga mengambil langkah serupa.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1041174>